

KEMANUSIAAN DI ERA AI: JALINAN TEKNOLOGI DENGAN NILAI-NILAI PERADABAN MASYARAKAT

Nur Amelina Binti Mat

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Tel: +6017-8877372 Email: nuramelinamat@raudah.usim.edu.my

Nusairah binti Ramli

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Tel: +6013-7034719 Email: nusairah@usim.edu.my

Wafa Binti Che Abdul Hashim

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Tel: +6019-9525563 E-mail: wafahashim@raudah.usim.edu.my

Alya Sorfina Binti Ismail

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Tel: +6011-28933904 E-mail: alyasorfina@raudah.usim.edu.my

ABSTRAK

Teknologi kecerdasan buatan (AI) dilihat sangat mempengaruhi nilai manusia dalam masyarakat moden. Kajian ini bertujuan untuk memahami konsep kemanusiaan di era penggunaan kecerdasan buatan (AI) dengan tumpuan pada cara penggunaan teknologi dan nilai peradaban manusia. Ia dilihat dapat mewujudkan masyarakat yang beradab dan serta menjadikan kehidupan lebih harmoni. Metodologi penyelidikan kajian ini adalah kajian kuantitatif dengan menggunakan data dan statistik yang berkaitan pelaksanaan AI dan kaitan-nya dengan nilai peradaban masyarakat. Hasil dapatan kajian ini akan memberi kefahaman berkenaan buatan AI terhadap peradaban masyarakat untuk mencapai keseimbangan yang halus seiring kemajuan teknologi yang merentas sempadan dan masa, kajian ini mendapati dengan penonjolan potensi untuk menjaga nilai-nilai asas manusia melalui penggunaan kecerdasan buatan (AI), kajian ini dilihat dapat memberi kesan yang ketara dan baik kepada masyarakat terutamanya melalui aspek yang menjurus kepada peradaban manusia. Justeru, melalui kajian ini, kerjasama yang padu dari semua pihak amatlah penting dalam proses pemeliharaan dan membangunkan nilai kemanusiaan dalam zaman AI untuk kepentingan bersama.

Kata Kunci : Kecerdasan buatan, AI, Peradaban, Kajian-kuantitatif, Globalisasi.

1. Pengenalan

Dalam era pemodenan, teknologi moden sebenarnya telah menjadi perkara penting dalam kehidupan seharian kita, bukan sahaja dapat membentuk komunikasi kita tetapi juga pemahaman tentang nilai prinsip yang dapat membentuk konsep tamadun. Namun, kebanyakan sarjana dan pemikir bersetuju dengan meletakkan faktor manusia adalah elemen terpenting untuk kelangsungan hidup dalam sebuah tamadun. Ibn Khaldun merupakan pengasas teori 'umran', menyebut manusia sebagai pelaku utama yang mempengaruhi dan membentuk tamadun.(Norazlan et al. 2014).

Pembentukan tamadun berkait rapat dengan pembangunan tamadun manusia. Usaha masyarakat membina tamadun mereka menyumbang kepada kemajuannya. Menerusi pendekatan Islam terhadap pembangunan insan berlandaskan ajaran Rasulullah SAW dan berpandukan al-Quran dan al-Sunnah (Mahyuddin et al. 2019).

Pembangunan berteraskan Islam memupuk keharmonian dan keamanan dalam masyarakat. Justeru itu, perkembangan pesat teknologi moden khususnya dalam bidang sistem kecerdasan buatan ini

sebenarnya telah menghasilkan banyak kelebihan serta halangan kepada manusia. Perkembangan ini sebenarnya telah mengubah pelbagai aspek kehidupan kita yang terdiri daripada interaksi, pendidikan dan pembelajaran, penjagaan perubatan serta juga pentadbiran (Sari & Purwanta 2021). Dengan perkembangan teknologi moden, terutamanya dalam bidang kecerdasan buatan, sebenarnya terdapat kesan yang besar dari sudut takrifan masyarakat dalam menilai serta menentukan budaya kita.

Selain itu, jalinan teknologi AI dan peradaban manusia juga telah mengubah pemahaman kita tentang nilai keselarasan diantara konsep penggunaan teknologi dan peradaban manusia. Dengan kemajuan AI pada era kini, AI dapat mewujudkan keseimbangan antara penggunaan AI serta pemuliharaan nilai manusia yang menjadi teras utama bersama dengan prinsip nilai diwujudkan (Anantrasirichai & Bull, 2021). Keseimbangan ini pastinya akan membolehkan kita memanfaatkan kapasiti teknologi sambil mempromosikan konsep seperti belas kasihan, empati serta mengambil kira kehormatan diri manusia. Pada zaman AI, jalinan teknologi serta nilai manusia menjadi sangat penting.

2. Metodologi kajian

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif. Metodologi ini lebih fokus kepada pengumpulan dan analisis data yang boleh diukur, biasanya melalui soal selidik atau pemerhatian yang dikodkan dalam bentuk angka (Creswell, 2014). Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) menyatakan bahawa "kuantitatif" merujuk kepada sesuatu yang berkaitan dengan kuantiti atau jumlah. Metodologi ini mengutamakan pengumpulan dan analisis data berangka untuk memperolehi pemahaman yang lebih baik tentang fenomena yang dikaji. Kajian kuantitatif mengukur dan menjelaskan corak dan hubungan dalam data responden. Jalinan antara cara manusia menggunakan kecerdasan buatan (AI) dan nilai-nilai peradaban masyarakat akan membantu kita memahami sejauh mana pengaruh teknologi AI terhadap nilai-nilai peradaban dalam masyarakat. Diharapkan hasil kajian ini dapat memberikan landasan yang kukuh bagi pemahaman lebih mendalam tentang bagaimana penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dapat diselaraskan dengan nilai-nilai kemanusiaan dalam masyarakat.

2.1 Pemilihan sampel kajian


Pemilihan sampel kajian ini melibatkan 41 orang responden, dengan 18 orang lelaki dan 23 orang perempuan. Perbezaan jumlah responden antara lelaki dan perempuan dibuat untuk memastikan keseimbangan jantina dalam kajian, membolehkan pemahaman yang lebih menyeluruh mengenai maklum balas dari kedua-dua jantina. Kajian ini menumpukan kepada orang awam. Mengenai kumpulan usia, sebanyak 33 responden berusia antara 20 hingga 23 tahun dipilih kerana kajian ini menumpukan kepada masyarakat muda yang lebih terdedah kepada penggunaan teknologi AI. Sebilangan kecil responden, iaitu 6 orang berusia antara 24 hingga 27 tahun, serta 2 orang berusia 28 tahun ke atas, juga dipilih untuk merangkumi maklum balas dari segmen usia yang lebih tua yang mungkin mempunyai maklum balas yang berbeza mengenai jalinan teknologi AI dengan nilai peradaban masyarakat. Pemilihan sampel ini dijalankan melalui soal selidik menggunakan Google Form untuk kemudahan pengumpulan data dan analisis yang sistematik. Kaedah soal selidik ini digunakan kerana bersesuaian dengan objektif dan persoalan yang ingin dikaji. Pemilihan sample ini bertujuan untuk mengesahkan maklumat daripada pelbagai respon dan pengalaman yang berkaitan dengan penggunaan kecerdasan buatan AI.

3. Perbincangan

Teknologi buatan AI telah menguasai masyarakat pada zaman ini di mana penguasaan teknologi AI telah menjadi separuh daripada kehidupan manusia. Teknologi buatan AI ini membentuk cara kita berkomunikasi, belajar, meningkatkan kesihatan dan kualiti kita, malah cara kita menjalankan rutin harian kita. Buatan AI meresap dalam semua aspek kehidupan, dan manusia perlu mempertimbangkan dengan betul dalam penggunaannya. Oleh itu, kajian ini untuk menumpukan kepada masyarakat yang merangkumi tidak mengira peringkat umur yang mana telah melibatkan 41 responden dimana bertujuan untuk mengetahui kesan teknologi AI terhadap nilai-nilai peradaban masyarakat (Nawi, 2019). Soal selidik yang dijalankan adalah melalui platform Google Form yang terdiri daripada 6 soalan yang berkait dengan kajian yang dijalankan.

Latar Belakang Responden


Jantina
41 responses



Rajah 1: Jantina Responden

Umur

41 responses



Rajah 2: Umur Responden


Jadual 1: Latar Belakang Responden

Bil	Perkara	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
1	Jantina	Lelaki	18	43.9
		Perempuan	23	56.1
2	Umur	20-23	33	
		24-27	6	
		28 Tahun dan keatas	2	
	Jumlah Responden		41	100

Kepercayaan Penggunaan AI Dapat Membantu Meningkatkan Kualiti Hidup Manusia

Adakah anda percaya bahawa AI dapat membantu meningkatkan kualiti hidup manusia?

40 responses



Rajah 3: Kepercayaan Penggunaan AI Dapat Membantu Meningkatkan Kualiti Hidup Manusia

Rajah 3 menunjukkan peratusan responden tentang kepercayaan penggunaan AI dapat membantu meningkatkan kualiti hidup manusia. Seramai 41 orang responden, sebanyak 17.5% yang mewakili 7 orang responden yang menyatakan tidak sama sekali, manakala sebanyak 27.5% yang mewakili 11 orang responden yang menyatakan kurang pasti yang berpunca daripada tiada pemahaman dalam bidang AI atau potensi risiko yang akan timbul. Oleh itu, untuk meningkatkan kesedaran umum tentang AI, pihak berkuasa perlu menyediakan pendidikan yang lebih berkesan tentang kesedaran teknologi ini. Tambahan pula, untuk mengesahkan kebimbangan dan meningkatkan penggunaan teknologi ini di kalangan orang awam, komunikasi yang jelas tentang faedah dan risiko AI mesti ditingkatkan.


Tambahan pula, sebanyak 55% yang mewakili 22 orang responden yang menyatakan ya dimana mempunyai tahap kepercayaan yang tinggi terhadap penggunaan AI yang dapat membantu meningkatkan kualiti hidup manusia selagi ia tidak mendatangkan sebarang kemudaratan terhadap manusia pada masa akan datang. Akhir sekali, kajian ini menunjukkan potensi besar AI untuk meningkatkan kesejahteraan manusia namun, kerja berhati-hati masih perlu dilakukan untuk memastikan pengguna menghormati nilai-nilai peradaban serta teknologi.

Penilaian Terhadap Nilai-nilai Peradaban Yang Cuba Diterapkan Dalam Teknologi AI

Rajah 4: Penilaian Terhadap Nilai-nilai Peradaban Yang Cuba Diterapkan Dalam

Adakah terhasilnya nilai nilai peradaban yang cuba diterapkan dalam teknologi AI?

41 responses



Teknologi AI


Rajah 4 menunjukkan peratusan responden tentang penilaian terhadap nilai-nilai peradaban yang cuba diterapkan dalam teknologi AI. Seramai 41 orang responden, sebanyak 26.8% yang mewakili 11 orang responden yang menyatakan tidak, begitu juga responden menjawab dengan tidak pasti sebanyak 26.8% bersamaan dengan 11 orang responden, ini menunjukkan responden tidak begitu yakin terhadap penggunaan AI yang harus diperkenalkan secara meluas serta tidak begitu meyakinkan manusia pada penggunaan AI pada masa akan datang keraguan dan ketidakpercayaan ini mungkin disebabkan oleh kebimbangan tentang moral dan keselamatan penggunaan AI, serta kekurangan pengetahuan tentang cara nilai ketamadunan akan dimasukkan ke dalam kemajuan teknologi ini.

Justeru itu, selebihnya daripada responden yakin bahawa AI mempunyai potensi untuk menegakkan nilai-nilai ketamadunan. Oleh itu, adalah penting untuk memastikan AI dibangunkan dengan mengambil kira nilai etika dan beradab yang kukuh jika kita ingin meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap teknologi tersebut. Ini menunjukkan sifat keyakinan terhadap wujudnya nilai-nilai peradaban dalam teknologi AI jika dilihat dari sudut yang positif serta dapat menghalang sebarang perkara yang negatif berkaitan dengan teknologi AI.

Keseimbangan Antara Penggunaan AI dan Nilai Manusia Dengan Menonjolkan Sifat Kemanusiaan

Kita dapat memastikan keseimbangan antara penggunaan AI dan nilai manusia dengan menonjolkan sifat kemanusiaan.

41 responses



Rajah 5: Keseimbangan Antara Penggunaan AI dan Nilai Manusia Dengan Adanya Sifat Kemanusiaan

Rajah 5 menunjukkan peratusan responden tentang keseimbangan antara penggunaan AI dan nilai manusia dengan adanya sifat kemanusiaan. Seramai 41 orang responden, sebanyak 17.1% yang mewakili 7 orang responden yang menyatakan tidak betul, ini menunjukkan responden tersebut tidak bersetuju wujudnya sifat kemanusiaan dapat seimbang dengan penggunaan AI, namun hal ini harus diperlihatkan secara meluas agar masyarakat luar dapat kesedaran terhadap pentingnya nilai manusia dalam penggunaan AI. Ini menunjukkan bahawa terdapat segelintir individu yang meragui keserasian antara AI dan nilai-nilai manusia. Sebanyak 70.7% yang mewakili 29 orang responden yang menyatakan ya dimana responden ini menunjukkan sifat keyakinan yang tinggi terhadap wujudnya nilai-nilai manusia yang seimbang dalam penggunaan AI. Hal ini demikian penting untuk terus meningkatkan kesedaran orang ramai tentang pelanggaran hak nilai manusia dalam konteks kemajuan teknologi dan penggunaan AI untuk mencapai hasil yang diinginkan.

Perbincangan

Menerusi hasil kajian soal selidik, dapat dilihat penggunaan AI telah menunjukkan potensi besarnya untuk meningkatkan kualiti kehidupan manusia. Kepercayaan terhadap teknologi ini berpunca daripada keupayaan AI untuk memudahkan kehidupan dalam pelbagai aspek. AI dijangka mempunyai perubahan positif yang besar dalam kehidupan seharian kerana ia dapat memberikan hasil yang lebih tepat dan lebih pantas berbanding kaedah tradisional.

Walau bagaimanapun, kita perlu membangunkan dan melaksanakan teknologi AI dengan mengambil kira nilai tamadun. Nilai seperti moral dan privasi harus diutamakan. AI mesti direka bentuk dan digunakan dengan mengambil kira aspek moral dan etika supaya teknologi ini tidak memperdalam ketidakadilan atau melanggar hak peribadi. Menentukan nilai ini adalah penting untuk memastikan AI berfungsi sebagai alat untuk memperkayakan masyarakat dan bukannya memusnahkannya.

Secara keseluruhannya, boleh dinyatakan bahawa walaupun AI mampu memberi impak positif dalam meningkatkan kualiti hidup manusia, penggunaannya harus dikawal mengikut nilai beradab.

Ini penting bagi memastikan teknologi ini akan digunakan dengan baik untuk kesejahteraan manusia, bukan sahaja untuk meningkatkan teknologi tetapi juga hubungan antara individu dan standard moral mereka dalam masyarakat.

Oleh itu, adalah mungkin untuk memberikan pandangan positif tentang masa depan di mana AI boleh dilihat sebagai alat yang berguna yang akan membantu dalam mewujudkan perubahan positif dan masyarakat yang sangat maju.

4. Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, dapatan hasil kajian ini telah memberi banyak kesan positif dan negatif. Buatan AI telah banyak menyumbang kepada jalinan kepada masyarakat tetapi pada masa yang sama ia telah memberikan impak yang sangat negatif kerana ia telah mempengaruhi peradaban terhadap manusia. Selain itu, masyarakat pada masa kini menggunakan teknologi buatan AI dengan lebih berhemah dan cermat. Ia memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang jalinan dengan nilai-nilai peradaban masyarakat terhadap teknologi buatan AI. Dengan ini, kecerdasan buatan AI telah menghubungkan penggunaan teknologi dalam semua bidang kepada masyarakat. Ia juga merupakan aset utama bagi mencapai dan merealisasikan negara maju seiring dengan kepesatan pembangunan teknologi maklumat.

Oleh itu, teknologi buatan AI mungkin dapat membuat jangkaan masa hadapan berasaskan data sedia ada. Namun, kekuatan akal manusia dapat menilai sejauh mana jangkaan ditawarkan buatan AI itu tepat atau mungkin tersasar. Jalinan teknologi dengan nilai-nilai peradaban masyarakat membantu manusia menciptakan idea atau produk baharu, tetapi keupayaan menyempurnakan ciptaan lebih diyakini untuk dilaksanakan manusia. Dalam hal ini, masyarakat moden pada masa kini dapat memanfaatkan potensi akal untuk berkeaktiviti dan berinovasi atas cadangan dikemukakan teknologi buatan AI, sekali gus tidak semata-mata mengikut apa-apa sahaja yang dikemukakan buatan AI tanpa pemikiran kritikal.

Tuntasnya, teknologi boleh membawa kesan positif dan negatif terhadap masyarakat. Dalam menjayakan konsep kemanusiaan di era buatan AI, peranan masyarakat amat penting dalam menyuburkan amalan pemikiran kritikal, berdaya cipta dan memahami prinsip pertanggungjawaban melibatkan autoriti. Dengan itu, semua pihak perlu menguasai kecerdasan buatan AI bagi menjamin nilai budaya dan moral dalam teknologi itu ditentukan sendiri oleh masyarakat.

5. Rujukan

Admin. (2023, July 24). *Impak AI terhadap pendidikan negara*. MalaysiaGazette. <https://malaysiagazette.com/2023/07/24/impak-ai-terhadap-pendidikan-negara/>

BERNAMA. (2023, June 13). - *TEKNOLOGI KECERDASAN BUATAN (AI) BERI IMPAK BESAR DALAM SEKTOR PEKERJAAN*. BERNAMA. <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=2197173>

Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches (4th ed.)*. SAGE Publications.

Haslinawati, W., Hassan, W., Mohd, I., & Hamzah. (n.d.). TAMADUN ISLAM DAN TAMADUN BARAT: PROSPEK MASA DEPAN KE ARAH PEMBANGUNAN PERADABAN MANUSIA. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan Ke, 5(2020)*.

- https://conference.uis.edu.my/pasak5/images/eprosidingpasak2020/044_ID144_Tamadun_Islam_Dan_Tamadun_Barat_Prospek_Masa_Depan_Ke_Arah_Pembangunan_Peradaban_Manusia.pdf
- <https://anyflip.com/ppegx/venx/basic> kesan tmk terhadap etika dan peradaban masyarakat dulu dan sekarang - Membalik Buku Halaman 1-20 | AnyFlip. (n.d.). Anyflip.com.
- IBM. (2023). *AI Ethics* | IBM. Wwww.ibm.com. <https://www.ibm.com/topics/ai-ethics>
- Kajian Kuantitatif | PDF. (n.d.). Scribd. <https://www.scribd.com/doc/212388456/KAJIAN-KUANTITATIF>
- Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2005).
- Metodologi Kajian | PDF. (n.d.). Scribd. <https://www.scribd.com/document/509806498/4-0-METODOLOGI-KAJIAN>
- Metodologi Kajian. (2021). Studocu; Studocu. <https://www.studocu.com/my/document/universiti-teknologi-mara/administrative-science/metodologi-kajian/15863249>
- Nawi, A. (2019). *Penerokaan Awal Terhadap Isu dan Impak Penggunaan Teknologi Kecerdasan Buatan terhadap Kehidupan Manusia [Early Exploration Towards Issues and Impact the Use of Artificial Intelligence Technology Towards Human Beings]*. <https://www.ajocs.com/index.php/ajocs/article/view/25>
- Nelson, J. P., Biddle, J. B., & Shapira, P. (2023, July 25). *Applications and Societal Implications of Artificial Intelligence in Manufacturing: A Systematic Review*. ArXiv.org. <https://arxiv.org/abs/2308.02025>
- Priambada, Y. B. (2023, July 1). *Sejenak Membayangkan Hidup Tanpa AI*. Kompas.id. <https://www.kompas.id/baca/riset/2023/07/01/sejenak-membayangkan-hidup-tanpa-ai>
- Rakyat perlu kuasai AI untuk tentukan sendiri nilai moral, budaya dalam teknologi itu - PM | Astro Awani. (n.d.). Wwww.astroawani.com. Retrieved May 31, 2024, from <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rakyat-perlu-kuasai-ai-untuk-tentukan-sendiri-nilai-moral-budaya-dalam-teknologi-itu-pm-469057?amp=1>
- Sari, Junia & Purwanta, Edi. (2021). *The Implementation of Artificial Intelligence in STEM-Based Creative Learning in the Society 5.0 Era*. Tadris: Jurnal Keguruan dan Ilmu Tarbiyah. 6. 433-440. 10.24042/tadris.v6i2.10135.
- UNESCO. (2022). *Ethics of Artificial Intelligence*. Wwww.unesco.org; UNESCO. <https://www.unesco.org/en/artificial-intelligence/recommendation-ethics>